



UPM Anjur Merdeka Award Video Competition 2010



Dr. Sham (kiri), Dr. Megat (tengah) dan Datuk Khalid di sidang media MAViC 2010.

SERDANG, 6 April – Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia dan Sekretariat Anugerah Merdeka menganjurkan Merdeka Award Video Competition 2010 (MAViC) untuk mencungkil bakat baru pelajar universiti dalam bidang perfileman.

Pertandingan itu bertemakan Aku dan Merdeka menuntut peserta pertandingan mentafsirkan kemerdekaan mengikut pandangan generasi muda, manakala hasil karya terbaik akan disiarkan oleh stesen Astro.

Pengarah Eksekutif Sekretariat Anugerah Merdeka, Datuk Khalid Mohd berkata pihak pengajur berharap pertandingan itu dapat melahirkan lebih ramai pengkarya yang hebat seperti Allahyarham Yasmin Ahmad.

“Kita mahu mengetahui apakah erti kemerdekaan menerusi kaca mata generasi muda kini melalui pertandingan ini dengan kreatif. Jadi, saya harap agar ramai pelajar akan menyertai pertandingan yang terbuka kepada semua pelajar universiti awam dan swasta di Malaysia sebelum 5 Mei ini,” katanya.

Pengerusi MAViC, Dr. Megat Al-Imran Yasin berkata sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu Video Pendek Terbaik dan Pengumuman Khidmat Awam Terbaik di mana Juara dan Naib Juara bagi setiap kategori akan menerima Anugerah Perdana dengan hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 dan RM3,000 beserta trofi dan sijil penyertaan.

“Pada 8 Mei pula satu sesi saringan khas penyertaan iaitu super pitch akan diadakan di UPM bagi mendapatkan idea dan konsep terbaik menerusi karya yang bakal dihasilkan.

“Lima cadangan terbaik pelajar yang berjaya dalam proses super pitch akan menerima peruntukan RM5 ribu ringgit bagi video pendek dan RM3 ribu untuk pengumuman khidmat awam,” katanya.

Beliau berkata bagi Anugerah Cipta iaitu Pengarah Terbaik, Konsep/Skrip Terbaik, Sinematografi Terbaik, Penataan Bunyi/Kesan Khas Terbaik, Suntingan Terbaik dan dua Anugerah Khas Juri masing-masing akan menerima wang tunai RM1,000 beserta trofi dan sijil penyertaan.

Sekretariat Anugerah Merdeka merupakan badan yang bertanggungjawab menguruskan MAViC 2010 dengan anjuran bersama Petronas, Shell dan Exxonmobil.

MAViC 2010 akan memulakan Road Show di semua universiti dan kolej di Malaysia pada 16 April hingga 15 Mei 2010, Apresiasi Filem Patriotik pada 19 Ogos 2010 dan Malam Anugerah Penutup pada 25 September 2010.

Untuk maklumat lanjut, boleh layari laman web www.mavic.my atau www.sinemamalaysia.com/mavic.php atau boleh menghubungi sekretariat di talian 017-3296632.

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Hazwan Faisal)

Mohamad)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia